

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	06 JUNE 2017

Jadi PM Ketujuh bukan keputusan Dr M: Anwar

BH-6/6/2017 p.14

➔ Konsensus komponen pembangkang jadi prasyarat

Oleh **Norrasidah Arshad**
norrasidah@bh.com.my

▬ **Shah Alam**

Tun Dr Mahathir Mohamad hanya boleh menjadi Perdana Menteri Ketujuh selepas mendapat persetujuan bersama parti komponen pembangkang.

Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika diajukan soalan

mengenai hasrat Dr Mahathir itu berkata, cadangan itu bukan terletak pada bekas Perdana Menteri itu, sebaliknya keputusan bersama Pakatan Harapan (PH).

“Seseorang itu tidak menawarkan diri (menjadi Perdana Menteri). Sebaliknya perlu ada konsensus,” katanya ringkas sebelum dibawa pegawai penjara keluar daripada kompleks Mahkamah Syariah Shah Alam, di sini, semalam.

Anwar berkata demikian ketika diminta mengulas kesediaan Dr Mahathir mempertimbangkan jawatan berkenaan sekiranya PH memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

Pada Kongres Nasional Keadilan lalu, Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli, dilaporkan berkata, sekiranya PH berjaya memenangi PRU-14, PKR berserta dua lagi

parti komponen, iaitu DAP dan Parti Amanah Negara (PAN) bersetuju supaya Presiden PKR, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menjadi Perdana Menteri interim, sementara menunggu Anwar dibebaskan.

Jika memang PRU-14

Jumaat lalu, *BH* melaporkan, Dr Mahathir bersedia mempertimbangkan jawatan Perdana Menteri jika PH membentuk kerajaan selepas PRU-14.

Kesediaan Penasihat Parti Pri-bumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu untuk menjadi Perdana Menteri dinyatakan dalam temu bual ‘Hang Tanya Che Det Jawab’ menerusi siaran langsung Facebook rasminya semalam, walaupun sebelum ini berpandangan calon jawatan itu hanya boleh ditentukan jika PH menang PRU-14.

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]



Anwar diiringi anggota keselamatan penjara ketika keluar dari mahkamah selepas hakim menolak permohonan rayuan qazaf di Mahkamah Syariah Shah Alam, semalam.